

# Lukisan

written by Saarani Vengadesen | 11/04/2023

Bau busuk menerpa, memaksa aku menutup hidung. Pegawai forensik masing-masing sedang sibuk menangkap gambar bukti kejadian. Wanita yang berusia lewat 20-an lengkap berpakaian ditemui mati di rumahnya. Tiada kesan pergelutan ditemui. Kemungkinan besar, mangsa mengenali suspek. Rumah mangsa juga berada dalam keadaan yang teratur dan tiada barang berharga didapati hilang. Ini menidakkan kebarangkalian mangsa dirompak.

Dibunuh? Bunuh diri? Masih belum ada kata putus. Namun apa yang menarik perhatianku ialah keadaan mayat yang ditemui mati dengan kepala terkulai di atas meja makan. Bukan itu yang menarik perhatianku, tetapi kentang rebus yang digigitnya. Bagiku kematian yang sangat ganjil dan aneh. Meja makan itu kosong, tiada pula lauk-pauk yang menunjukkan mangsa sedang menikmati makan malamnya. Pelbagai tanda tanya berlegar-legar di fikiranku. Setelah berpuas hati memeriksa lokasi kejadian, aku menghidupkan enjin keretaku, menuju ke makmal forensik bandar Bakti.

Kira-kira 20 minit kemudian, sampailah aku di hadapan sebuah bangunan tiga tingkat yang bagiku agak tidak menarik untuk dilihat. Aku menapakkan kaki ke dalam bangunan yang kali pertama aku jejak setelah sebulan dipindahkan bertugas di bandar Bakti. Aku menekan lift menuju ke bahagian bawah tanah dimana proses pemeriksaan mayat atau dipanggil postmortem akan dilakukan. Suhu yang tiba-tiba menjadi lebih sejuk membuatkan aku menarik jaket, menutupi seluruh tubuhku.

"Tuan!" detektif Akif menyapaku tanda hormat. Detektif berusia 24 tahun itu walaupun agak lurus tetapi rajin orangnya. Sejak hari pertama aku bertugas di sini, dia secara tidak langsung menjadi orang kananku. Senang disuruh.

"Mangsa bernama Marie Alice berusia 29 tahun, merupakan seorang guru seni di sebuah pusat tuisyen di Jalan Dato' Jaafar. Tinggal bersendirian tetapi ibunya akan datang menjenguknya setiap hujung minggu. Menurut ibu mangsa yang juga orang pertama yang menemui mayat mangsa, dia datang ke rumah anaknya hari itu seperti biasa dan terus menelefon pihak polis sebaik sahaja menemui mayat anaknya"

"Apa pendapat kau?" tanyaku kepadanya. "Pendapat saya?"

"Aku perlukan pendapat orang ketiga. Biasanya membantu"

"Saya rasa, suspek mungkin orang terdekat atau sudah lama memerhatikan gerak-geri mangsa, memandangkan dia tahu ibu mangsa akan datang pada hujung minggu"

"Tepat sekali. Suspek mahu mayat mangsa ditemui secepat mungkin." Tapi kenapa? Soalan itu tidak pula ku utarakan kerana aku pasti detektif Akif sendiri juga tidak tahu.

Seketika kemudian, mayat wanita bernama Marie Alice itu, perlahan-lahan dimasukkan ke dalam sebuah mesin pengimbas yang menggunakan teknik spektrofotometri dimana, kadar serapan dan pancaran cahaya oleh sampel kajian akan diukur. Dengan menggunakan teknik ini, permasalahan seperti kedalaman tikaman, luka atau lebam pada organ dalaman dapat diketahui tanpa perlu membedah mayat.

"Farisha, ini Inspektor Rama. Baru sebulan dipindahkan ke sini dan bertugas di unit jenayah."

Detektif Akif memperkenalkanku kepada ahli patologi bernama Farisha itu.

“Berdasarkan pemeriksaan, mangsa didapati dipukul dengan menggunakan objek tumpul. Objek tersebut dipercayai berukuran lebih kurang 53cm dan tidak ada objek yang sedemikian rupa ditemui di rumah mangsa.” Aku mengambil fail yang diserahkan oleh Farisha, membelek dan menganalisis data-data penting.

Tumpuan kami kemudian beralih kepada komputer bersaiz gergasi. Dua orang pakar forensik sedang ralit mengetik jari di papan kekunci yang juga bersaiz gergasi.

“Kami telah menganalisis keadaan rumah mangsa namun tiada sebarang cap jari asing ditemui. Terdapat kesan darah ditemui di sepanjang jalan dari pintu utama menuju ke meja makan.” Aku memerhatikan skrin komputer yang digunakan untuk menganalisis rumah mangsa hanya berdasarkan gambar yang ditangkap menggunakan kamera khas.

Jika dahulu, pengesanan cap jari menggunakan pelbagai kaedah seperti kaedah serbuk, super glu dan nynhydrin. Namun, dengan kecanggihan teknologi AI ataupun artificial intelligent, kehadiran cap jari selain daripada cap jari mangsa dapat dikesan dengan lebih mudah, cepat dan tepat.

Melalui hasil analisis tersebut, dapat aku simpulkan bahawa mangsa mengenali suspek dan dipukul menggunakan objek tumpul di hadapan pintu sebaik sahaja mangsa membuka pintu.

Kring! Kring! Kring! Nyaringan telefon mengganggu konsentrasiku. Barangkali maklumat baru telah ditemui. Detektif Akif segera menjawab panggilan tersebut.

“Tuan, siasatan kamera litar tertutup mendapati seorang lelaki mencurigakan yang disyaki sebagai suspek ada memasuki pangsapuri berkenaan kira-kira 2 jam sebelum mangsa dibunuh. Malangnya kamera berdekatan rumah mangsa telah rosak beberapa hari yang lalu”

“Kami akan usahakan yang terbaik untuk mengesan suspek. Memandangkan lelaki tersebut bertopi dan menutup muka, ianya agak mengambil masa untuk kami mengecam identiti lelaki tersebut.” Aku hanya mengangguk tenang tanpa mengetahui kejutan yang menanti kami esok.

Keesokkan paginya, seorang lagi mayat gadis ditemui di ladang bunga matahari yang terletak 5 kilometer jauh daripada bandar Bakti. Aku menghentak stereng tanda geram. Barangkali pembunuh merupakan orang yang sama.

“Tuan, berdasarkan rigor mortis, mangsa telah mati sekitar pukul 8.30pm semalam.”

Rigor mortis merupakan proses di mana badan manusia mula menjadi kaku dan mengeras secara perlahan-lahan selepas 30 minit ke 2 jam kematian. Selepas sembilan ke dua belas jam, badan mayat akan menjadi sepenuhnya mengeras sehinggalah 30 jam selepas kematian dan akan beransur-ansur hilang selepas 70 jam kematian. Jika badan mangsa yang ditemui pagi itu telah mengeras sepenuhnya pada 8:30 am, ini bermakna dia telah dibunuh sekitar 8:30pm ke 11:30pm semalam.

Darah yang mengering di dahi mangsa meyakinkan aku bahawa pembunuh merupakan orang yang sama. Dipukul menggunakan objek tumpul dari depan. Memandangkan kes pertama masih belum mendapat liputan media, maka tidak akan ada kebarangkalian untuk orang lain meniru taktik pembunuhan semalam.

Kali ini mayat yang ditemui memeluk sebuah pasu berwarna kuning dan dikelilingi dengan

bunga matahari. Lebih tepat lagi 12 tangkai bunga matahari. Aneh.

Berdasarkan data dan bukti yang dijumpai, mangsa kedua merupakan Cindy Wong, juga berusia 29 tahun. Beliau merupakan seorang pereka fesyen di sebuah kilang batik di ibu kota.

Kereta mangsa yang ditemui 200 meter daripada tempat mangsa ditemui, diperiksa. Tempat duduk belakang berlumuran darah yang dipercayai milik mangsa. Nampaknya, mangsa tidak dibunuh di sini. Ada kemungkinan mangsa berjanji temu dengan suspek, dibunuh dan mayatnya dibawa ke ladang bunga matahari malam semalam.

“Tuan hasil siasatan mendapati mangsa pertama dan mangsa kedua merupakan graduan seni lukis daripada Universiti Seni dan Persembahan Tun Tahir 5 tahun yang lalu”

Aku cuba mencari kaitan antara pembunuhan ini. Petunjuk yang ditinggalkan suspek seolah-olah mencabar aku untuk mengejarnya. Graduan seni lukis. Kentang. 12 tangkai bunga matahari. Aku mengigit bibir kering yang kehausan, cuba mencantumkan serpihan-serpihan petunjuk yang ditinggalkan suspek.

Ah!

Van Gogh! Vincent van Gogh! Pelukis belanda yang terkenal di Eropah pada awal abad ke-20. Kentang dan 12 tangkai bunga matahari adalah mesej yang ditinggalkan suspek untuk aku menterjemahkannya sendiri. Mangsa yang mati mengigit kentang adalah gambaran lukisan The Potato Eater atau pemakan kentang. Lukisan yang memaparkan para petani yang memakan kentang sambil diterangi lampu minyak. Kes yang kedua pula menggambarkan karya Van Gogh, Sunflowers iaitu bunga matahari.

Potret 12 tangkai bunga matahari di dalam pasu tersebut merupakan satu daripada dua siri lukisan bunga matahari. Aku diserang rasa gelisah. Firasatku mengatakan bahawa pembunuhan ini tidak berhenti di sini. Petunjuk yang seterusnya pasti berkaitan lukisan Van Gogh. Tapi pelukis tersebut menghasilkan banyak karya agung. Café terrace at night? Starry night? Atau potret wajahnya sendiri? Aku harus bertindak satu langkah lebih maju daripada suspek, sebelum kematian seterusnya berlaku.

Petunjuk! Petunjuk! Petunjuk!

Aku memerah otak memikirkan segala kemungkinan yang bakal berlaku. Aku cuba meletakkan diri sebagai suspek. Daripada tingkah laku suspek, aku mengagak bahawa kes ketiga juga akan berlaku di bandar Bakti. Aku memeriksa setiap barangan mangsa kedua yang ditemui di dalam keretanya dengan harapan untuk menemui sesuatu yang dapat membantuku. Sepucuk surat baldu berwarna biru menarik perhatiannya.

**JEMPUTAN KHAS KE PAMERAN LUKISAN GIBRAN ALIAS LOKASI: PLANETARIUM BANDAR BAKTI**

Bingo!

“Tuan, identity suspek sudah dapat dikesan! Suspek dikenali sebagai Badrul Amin juga merupakan bekas mahasiswa seni lukis daripada universiti yang sama. Motif pembunuhan dipercayai akibat daripada projek akhir tahunnya yang disabotaj oleh mangsa pertama dan kedua. Mereka berdua telah berkomplot untuk memfitnah Badrul menghasilkan karya ciplak. Selepas digagalkan oleh pensyarah mereka, Badrul didapati menghilangkan diri selama 5 tahun tanpa sempat menghabiskan pengajiannya”

"Akif arahkan Gibran Alias untuk batalkan pameran dia di planetarium malam ni. Badrul Amin akan lakukan pembunuhan dia yang seterusnya di situ!" Akif termangu seketika.

"5 tahun lalu, Gibran Alias merupakan pensyarah kepada mereka bertiga. Aku tak tahu sebabnya dia tapi aku percaya dia mangsa seterusnya. The Starry Night!"

"Baik tuan!"

Siren kereta polis berbunyi nyaring. Detektif Akif segera memandu ke rumah Gibran Alias. Pameran harus dihentikan atau satu nyawa akan melayang. Gibran Alias merupakan pelukis terkenal dengan kemahiran yang luar biasa. Karyanya banyak dibeli oleh syarikat- syarikat ternama dari luar negara. Seingat aku dia merupakan bekas pensyarah, sebelum berhenti untuk menguruskan galeri khasnya yang bakal dibina. Planetarium bandar Bakti sememangnya sesuai untuk pameran lukisan-lukisan Gibran yang banyak bertemakan bintang dan angkasa.

Kali ini, Badrul Amin pasti akan menggunakan The Starry Night untuk meninggalkan petunjuk yang seterusnya atau barangkali petunjuk yang terakhir.

Aku menuju ke planetarium bandar Bakti. Persoalan bagaimana dan bila Badrul Amin akan menyerang Gibran Alias perlu aku rungaikan. Boleh jadi dia akan meledakkan satu planetarium dengan bom.

Sampai sahaja di planetarium itu, aku menjumpai sebatang kayu besbol yang aku percaya digunakan ke atas kedua-dua mangsa. Aku mengeluarkan sebuah mesin bersaiz tangan daripada poketku. Ianya merupakan mesin analisis yang dicipta khas untuk memadamkan DNA. Tekaanku benar, DNA Marie Alice dan Cindy Wong sepadan dengan DNA pada kayu besbol itu.

"Tuan! Berita buruk! Kami dapati Gibran Alias tiada di rumahnya." Cemas suara Detektif Akif sebaik sahaja aku mengangkat panggilanannya.

"Arahkan semua unit forensik untuk lepaskan drone pengesan dan cari suspek sampai jumpa!" aku segera menuju ke makmal forensik. Badrul Amin nampaknya sudah tahu polis sudah mula mengesan jejaknya. Aku yakin planetarium bukan lagi lokasi seterusnya.

Sebaik sahaja arahan diterima. Puluhan drone dilepaskan di bandar Bakti bagi mengesan tempat persembunyian Badrul Amin. Drone pengesan yang dicipta khas untuk unit forensik itu dilengkapi dengan kamera pengesan termal yang berkuasa tinggi. Ianya mampu mengesan apa sahaja objek setelah dimasukkan data mengenai objek tersebut.

Aku memantau skrin yang dihubungkan dengan drone pengesan.

"Tuan, suspek dikesan di gudang terbengkalai berdekatan Sekolah Menengah Bakti!"

Tanpa berlengah, 30 orang pasukan polis besamaku menuju ke gudang tersebut. Siren kereta polis membingitkan susana di bandar Bakti. Sampai sahaja di sana kelihatan kelibat Badrul Amin sedang menyimbah gudang tersebut dengan cecair yang mungkin adalah minyak petrol.

"Kami adalah pihak polis! Badrul Amin, anda ditahan atas kesalahan membunuh. Serahkan diri anda dan lepaskan Gibran atau kami akan bertindak secara paksa!" aku berkata melalui pembesar suara. Perlahan-lahan gerakan polis mendekati Badrul Amin dan Gibran Alias yang terikat seluruh tubuh.

Badrul Amin hanya tersengih sumbing. Jelas dia sama sekali tidak takut akan amaran tersebut.

"Kalau aku tak mahu, kau orang mahu apakan aku? Tembak? Tembaklah!" katanya sambil tergelak besar.

"Gibran Alias. 5 tahun lalu, aku digagalkan kerana karya aku dituduh meniplak. Karya yang aku usahakan siang malam kau tuduh itu ciplak! Disebabkan kau, aku seolah-olah hidup dalam neraka!" ditonjolnya kepala Gibran yang kelihatan lemah longlai.

"Gibran, Gibran. Kau sendiri tahu yang aku tak meniplak mana mana karya pun. Tapi kau iyakan kata-kata Marie dan Cindy yang cemburu dengan aku sebab kau diugut. Kau fikir aku tak tahu hubungan kau dengan mereka berdua. Satu kolej kenal kau ini semacam apa Gibran. Sekarang ini, aku bagi satu dunia tahu wajah di sebalik topeng yang kau pakai selama ini!" serentak dengan gelaknya, telefon bimbit masing-masing berbunyi, menerima notifikasi e-mail.

'BUKTI: SKANDAL PENSYARAH SENI LUKIS USPTT'

Ah! Serpihan terakhir. Motif Badrul Amin untuk membunuh Gibran Alias.

"Aku tahu Badrul Amin. Kau cuba untuk tinggalkan jejak dengan menggambarkan keadaan mangsa-mangsa yang bunuh dengan karya-karya agung Vincent van Gogh, pelukis yang kau minati bukan? Tapi aku tak rasa Vincent van Gogh akan bangga apabila kau babitkan dia dalam dendam kau terhadap orang lain. Pelukis yang kau kagumi, kau jadikan dia ilham untuk kau melakukan jenayah. Sadis"

Raut wajah Badrul Amin yang bongkak tadi berubah. Dia terjelepok jatuh. Barangkali penyesalan datang meniuip tubuhnya. Anggota polis yang siap siaga sedari tadi segera menahan Badrul Amin yang bagaikan tidak berpijak di bumi nyata. Gibran Alias juga diselamatkan dan segera dibawa ke hospital untuk pemeriksaan lanjut.

Sebelum Badrul Amin disumbat ke dalam kereta polis, aku sempat menyeluk kedua belah poketnya. Kosong. Dari awal lagi, dia sememangnya tiada niat untuk membunuh Gibran Alias. Menyebarkan kerja kotor Gibran Alias sudah cukup untuk menjatuhkan kariernya dan menyebabkan hidupnya porak peranda. Itu yang dimahukan Badrul Amin.

"Saya peliklah tuan, kenapa Badrul Amin tinggalkan petunjuk pada setiap mangsa? Bukankah itu menyenangkan kerja polis? Apa dia ingat kita polis ni main-main ke?"

"Kanser." Detektif Akif bingung, tidak faham.

"Kesan sampingan kemoterapi. Rambut gugur dan kuku bertukar menjadi hitam," aku yakin masa Badrul Amin untuk hidup tidak panjang. Kemoterapi mengganggu kitaran penghasilan sel baru dalam badan lebih-lebih lagi sel keratin seperti rambut dan kuku.

"Kalau macam tu lagilah pelik tuan. Kalau betul Badrul Amin ada kanser, macam mana dia ada kekuatan untuk buat semua ni seorang diri. Gibran Alias tu 3 kali lebih besar daripada dia. Ish, musykhil saya!" kata detektif Akif sambil menggaru kepalanya.

Benar, kes ini tidak terhenti di sini sahaja. Persoalan siapa yang menghantar e-mail ketika Badrul Amin dikepung pihak polis dan membantu Badrul Amin menculik Gibran Alias masih belum terjawab. Ada dalang yang menggerakkan Badrul Amin untuk melakukan semua ini. Siapa dia? Apa motif dia? Yang pasti, dia bukanlah seorang. Tapi sebuah. Sebuah organisasi.

**Nota: Penulis ialah pemenang Tempat Pertama (Kategori 2) Pertandingan Cerpen Sains Forensik 2021.**